

DATE	: 03 JAN 2024
PUBLICATION	: KOSMO
SECTION	: NEGARA
HEADLINE	: AGB METERAI PERJANJIAN TAJA JAMIN UNTUK IPO DI PASARAN ACE
CATEGORY	: COMPANY
MEASUREMENT	: 64 CM ²
TONE	: NEUTRAL
REMARKS	: N/A

AGB meterai perjanjian taja jamin untuk IPO di pasaran ACE

PETALING JAYA – AGX Group Berhad (AGB) telah memeterai perjanjian taja jamin dengan TA Securities Holdings Berhad (TA Securities) untuk tawaran awam awal (IPO) bagi penyenaraian di Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Berhad.

AGB terlibat dalam penyediaan perkhidmatan logistik pihak ketiga (3PL) yang mana perkhidmatannya merangkumi pengangkutan laut dan darat, logistik aero angkasa, pergudangan dan perkhidmatan lain berkaitan 3PL dan pengangkutan penghantaran barang jalan raya.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif AGB, Datuk Ponnudurai Periasamy berkata, pihaknya menyediakan perkhidmatan untuk membantu pelanggannya membuat penghantaran barang dari lokasi asal hingga kepada destinasi terakhirnya.

Selain di Malaysia, AGB telah meluaskan penguasaan pasarannya ke Filipina, Korea, Myanmar, Singapura dan juga Kemboja (melalui syarikat sekutunya).

"Hasil daripada IPO ini akan digunakan untuk mengembangkan perniagaan di peringkat domestik dan juga di luar negara melalui pembukaan gudang dan



PONNUDORAI (tengah) pada majlis pemeterai perjanjian taja jamin bersama TA Securities di Kuala Lumpur semalam.

pejabat baharu di Pulau Pinang dan Johor Bahru selain membuka pejabat baharu di Busan, Korea dalam usaha syarikat meluaskan rangkaianya di negara tersebut.

"Sebahagian daripada hasil itu juga akan digunakan untuk membiayai modal kerja, pembayaran pinjaman bank serta perbelanjaan penyenaraian," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

IPO tersebut melibatkan tawaran awam sebanyak 96.5 juta saham dan tawaran jualan sebanyak 30 juta saham biasa sedia

ada.

Daripada sejumlah 96.5 juta saham tersebut, sebanyak 21.65 juta saham ditawarkan kepada semua melalui undian manakala 6.32 juta saham diperuntukkan kepada pengarah dan pekerja yang berkelayakan dan juga kepada anak syarikatnya manakala 68.53 juta saham disediakan untuk penempatan persendirian kepada pelabur terpilih sahaja.

Bersandarkan kepada perjanjian taja jamin tersebut, TA Securities menaja jamin sebanyak 21.65 juta saham.